

Pintu gerbang lambang semangat

BH- 28/7/2007

Sambutan kemerdekaan perayaan paling besar bagi penduduk Sungai Acheh

BERITA HARIAN
50

50 Tahun Mengisi Kemerdekaan

Oleh Fazallah Pit

KEMERIAHAN sambutan kemerdekaan dan laungan perkataan keramat 'Merdeka', bukan saja bergema di Stadium Merdeka di ibu negara tetapi juga di Padang Pahlawan di Bandar Hilir Melaka atau Padang Butterworth, Pulau Pinang, pada tanggal 31 Ogos 1957.

Apa yang menarik, setiap pelusuk dan ceruk kampung tidak ketinggalan berpesta menyambut kedatangan hari paling bersejarah itu. Meskipun sambutan tidak sehebat di Stadium Merdeka, perasaan bangga tetap membara di dada rakyat tanpa mengira bangsa.

Bagi seorang pesara guru, Md Zin Mohamed, 67, ketika negara menyambut kemerdekaan, beliau seorang remaja berusia 17 tahun, tetapi tidak melepaskan peluang meraiikannya.

Meskipun tidak bersama-sama melaungkan merdeka bersama Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj di Stadium Merdeka, pengalaman menyambut kemerdekaan di kampung kelahirannya di Sungai Acheh, Nibong Tebal,

Pulau Pinang, masih segar dalam ingatan walaupun peristiwa itu sudah berlalu setengah abad.

Itulah kenangan paling indah dalam sejarah kehidupannya dan setiap kali menjelang 31 Ogos, memori lama bermain-main dalam ingatannya.

"Sambutan kemerdekaan ketika itu begitu hangat sekali. Bukan saja diraikan di Stadium Merdeka atau Padang Palawan, Melaka atau Padang Butterworth, malah hingga setiap ceruk kampung.

"Sambutan kemerdekaan itu adalah perayaan paling besar di kampung saya pada masa itu kerana persiapan dilakukan segenap lapisan masyarakat tanpa mengira agama, usia dan bangsa," katanya.

Mengimbau kembali detik menjelang sambutan kemerdekaan 50 tahun lalu, anak keempat daripada lima beradik itu berkata, keseronokan tidak terhingga ialah pertandingan membina pintu gerbang.

Pertandingan yang membabitkan kampung di kawasan Nibong Tebal dan kampung berdekatan di Parit Buntar, Perak, adalah ilham pejabat Pegawai Daerah dan mendapat sambutan menggalakkan.

Tanpa peruntukan daripada mana-mana pihak, tiada 3T (teh, topi dan kemeja T), setiap penduduk bekerjasama menyumbangkan serba sedikit untuk membeli kayu dan bahan lain bagi membina pintu gerbang.

Dengan penuh semangat kerjasama dan tolong menolong, penduduk tanpa mengira kedudukan dan usia, berpakat membina pintu gerbang selepas membuat perancangan



JADI KENANGAN: Md Zin dan rakan bergambar depan pintu gerbang ketika sambutan kemerdekaan di Sungai Acheh pada 1957.

awal kira-kira seminggu sebelum negara mencapai kemerdekaan.

Mereka bergotong-royong menyiapkan pintu gerbang dalam masa dua hari. Semua penduduk berasa megah apabila melihat pintu gerbang siap berdiri dengan cantik, apatah lagi kerana dihasilkan daripada keringat mereka sendiri.

"Saya turut menolong memungkah kayu dari lori tetapi pembinaan pintu gerbang dilakukan beberapa tukang. Saya cuma bantu sikit-sikit saja.

"Hajat di hati memang mahu tolong macam-macam, tetapi saya buat apa yang terdaya saja. Lagipun, saya masih remaja ketika itu," katanya yang cukup bersemangat ketika mengimbau kisah silam itu.

Dalam pertandingan itu, Kampung Kurau muncul juara dan penduduk sepakat menerima keputusan tanpa sebarang bantahan.

"Kami tidak kisah kampung mana yang menang. Kami cuma mahu menyambut kemerdekaan dan tunjukkan semangat kami melalui pembinaan pintu gerbang," katanya.

Pada pagi sambutan kemerdekaan, Md Zin awal-awal lagi sudah keluar untuk menyertai beberapa rakan meronda beberapa kampung untuk melihat keunikan dan kehebatan pintu gerbang yang dibina di kampung lain.

Dengan menaiki teksi rakannya, Abdullah Idris (Allahyarham), beliau bersama Ahmad Salleh (Allahyarham), Yusof Darus dan Abdul Razak Idris meronda sekitar Sungai Udang dan Sungai Bakar hingga Parit Buntar.

Setiap kali bertembung dengan penduduk yang mereka kenali ketika meronda di kampung berkenaan, mereka akan melaungkan 'merdeka'.

Mereka juga bergambar di setiap pintu gerbang yang dilawati untuk kenangan. Md Zin, walaupun tidak mempunyai kamera tetapi menjadi jurugambar milik salah seorang daripada rakannya, Ahmad.

"Kami akan berhenti seketika dan bersembang-sembang sebentar. Topiknya tentu sekali pasal kemerdekaan," katanya sambil menjelaskan tiada perarakan diadakan di peringkat kampung kerana ia diadakan di Padang Butterworth.

Gambar yang diambil 50 tahun lalu itu masih kekal dalam simpanan Md Zin dan beliau begitu bangga apabila melihat gambar berkenaan serta bercerita pengalaman menyambut kemerdekaan ketika itu.

Selepas meronda, mereka berkumpul semula di sebuah kedai kopi untuk mendengar radio mengenai perkembangan sambutan kemerdekaan, selain meneruskan cakap-cakap mengenai kemerdekaan. Ketika itu, hanya kedai kopi dan rumah penghulu mempunyai radio yang diberikan kerajaan.

"Di situlah kami mendengar berita. Berita mengenai kemerdekaan sudah lama kami ketahui melalui akhbar tulisan Jawi iaitu Utusan Melayu dan Warta Negara," katanya yang tersenyum puas kerana dapat berkongsi pengalaman silamnya dengan generasi masa ini yang bakal menyambut ulang tahun kemerdekaan negara tidak lama lagi.



REKABENTUK UNIK: Pintu Gerbang-Persimpangan Sungai Bakau Jalan Sempadan antara Pulau Pinang dan Perak.